



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SABTU, 8 NOVEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



8/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	JARINGAN PELBAGAI AGENSI PERKUKUH PENGURUSAN BENCANA NEGARA		POSITIF
	https://malaysiaaktif.my/2025/11/jaringan-pelbagai-agensi-perkukuh-pengurusan-bencana-negara/	MALAYSIAAKTIF.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	33 WANITA MUDA SERTA PROGRAM KEPIMPINAN PARLIMEN MALAYSIA		POSITIF
	https://suarasarawak.my/33-wanita-muda-sertai-program-kepimpinan-parlimen-malaysia/	SUARASARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	WARDEN ASRAMA DIDAKWA CABUL PELAJAR		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/warden-asrama-didakwa-cabul-pelajar/	BULETINTV.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1284740/warden-asrama-nafi-cabul-pelajar	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/755698/berita/semasa/video-warden-sekolah-asrama-penuh-didakwa-cabul-pelajar-lelaki	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/07/guru-sekolah-sentuh-pelajar-lelaki-didakwa/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=ISMDabsMgWU	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	PENOREH GETAH DITUDUH CABUL ANAK SAUDARA		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1284742/penoreh-getah-dituduh-cabul-anak-saudara	HMETRO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/penoreh-getah-didakwa-cabul-anak-saudara-lelaki/	BULETINTV.MY	
	https://www.youtube.com/shorts/yVs66zc7FJI	YOUTUBE	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Jaringan Pelbagai Agensi Perkuhkuh Pengurusan Bencana Negara



KOTA KINABALU, 7 Nov (MalaysiaAktif) – Pengurusan bencana di negara ini sentiasa menjadi keutamaan kerajaan dengan pelaksanaan sistem jaringan yang tersusun di semua peringkat pusat, negeri dan daerah bagi memastikan bantuan disampaikan dengan cekap dan berkesan.



Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Datuk Che Murad Sayang Ramjan (kanan), meninjau stok bekalan bantuan bencana semasa lawatan kerjanya ke Depoh Simpanan Keperluan Bencana (DKSB) Negeri Sabah, pada Khamis.

Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Datuk Che Murad Sayang Ramjan berkata setiap peringkat pengurusan bencana mempunyai jaringan agensi tersendiri termasuk JKJ, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan pelbagai agensi kerajaan lain.

"JKM turut berkolaborasi rapat dengan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memperkuhkuh keupayaan tindak balas semasa bencana.

"Kita amat berharap mana-mana NGO atau syarikat korporat yang ingin menyalurkan bantuan agar berhubung terus dengan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) atau JKJ. Ini penting bagi memastikan bantuan dapat diselaraskan dengan baik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas mengadakan lawatan kerja ke Depoh Simpanan Keperluan Bencana (DKSB) Negeri Sabah, di sini pada Khamis.

Menurutnya, penyelarasan di peringkat agensi perlu mengelakkan bantuan yang dihantar tidak menepati keperluan sebenar mangsa bencana seperti penghantaran barangan yang tidak sesuai atau kelewatan bantuan.

"Kalau diselaraskan dengan baik, kita tahu apa keperluan semasa. Contohnya, kalau mangsa perlukan selimut, komputer atau barangan tertentu, kita boleh minta secara khusus. Ia akan timbul kesukaran ketika proses agihan.

"Bantuan kebajikan kepada mangsa bencana juga diberikan secara menyeluruh, termasuk bantuan makanan dan keperluan asas di pusat pemindahan sementara (PPS), selain kerajaan yang menyalurkan Bantuan Wang Ihsan (BWI) berjumlah RM1,000 kepada isi rumah terjejas sekali sepanjang tahun bagi setiap kejadian bencana," ujarnya.

JKM juga menyalurkan pelbagai bentuk bantuan kebajikan di bawah kerajaan MADANI termasuk bantuan untuk warga emas, individu orang kurang upaya (OKU) bekerja atau tidak bekerja serta bantuan khas di peringkat negeri dan persekutuan.

Setiap tahun kerajaan katanya memperuntukkan hampir RM3.2 bilion bagi tujuan bantuan kebajikan di seluruh negara sebagai komitmen berterusan dalam memastikan kesejahteraan rakyat terus terbela, terutama golongan rentan dan terjejas akibat bencana.



Stok bekalan bantuan bencana yang disediakan di Depoh Simpanan Keperluan Bencana (DKSB) bagi keperluan kecemasan di seluruh negeri.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KENANGAN... Rodiyah bersama empat wakil pelajar dari Sarawak yang menyertai program berkenaan

33 Wanita Muda Sertai Program Kepimpinan Parlimen Malaysia

KUCHING: Program Pemimpin Wanita Masa Depan 2025 anjuran Persatuan Parlimen Komanwel (CPA) Malaysia dengan kerjasama Parlimen Malaysia bukan sekadar platform pembelajaran teori, tetapi medan untuk menjiwai peranan sebenar seorang pemimpin wanita.

Ahli Parlimen Batang Sadong, Rodiyah Sapiee berkata, peserta program berkenaan didedahkan kepada nilai kepimpinan sejati — berani berfikir, berbahas dan berdiri mempertahankan kebenaran walau berdepan cabaran.

"Program ini bukan sekadar tentang teori kepimpinan, tetapi tentang menjiwai peranan seorang pemimpin wanita yang berani berfikir, berbahas dan berdiri mempertahankan kebenaran," katanya ketika berucap pada majlis penutupan program di Institut Sosial Malaysia, Kuala Lumpur pada Rabu (5.11.25).

Sehubungan itu, Rodiyah menjelaskan semangat dan keyakinan yang ditunjukkan oleh 33 peserta wanita muda sepanjang tiga hari program tersebut membuktikan potensi besar generasi baharu untuk tampil sebagai pemimpin masa hadapan.

Beliau turut mengingatkan bahawa keberanian bersuara dengan kebijaksanaan dan kejujuran merupakan asas penting dalam pembentukan kepimpinan wanita yang berwibawa.

"Seorang pemimpin wanita tidak hanya memimpin dengan suara, tetapi dengan pemikiran yang kritikal dan hati yang penuh empati terhadap masyarakat.

"Melalui latihan, simulasi sidang Parlimen dan interaksi bersama tokoh politik, para peserta bukan sahaja memahami peranan kepimpinan, tetapi turut merasai tanggungjawab sebenar sebagai pembuat dasar.

"Pemimpin sejati dibentuk melalui pengalaman, pembelajaran dan semangat untuk membawa perubahan positif," ujarnya.

Beliau percaya program seumpamanya mampu menjadi pemangkin kepada usaha memperkukuh penyertaan wanita dalam arena politik dan kepimpinan negara.

Rodiyah turut menzahirkan harapan agar peserta meneruskan perjuangan mereka dengan semangat dan integriti yang tinggi.

Katanya, program seperti ini bukan penghujung perjalanan, tetapi titik permulaan kepada generasi wanita muda yang berani, berwawasan dan berprinsip.

"Masa depan negara memerlukan lebih ramai wanita yang berani berdiri untuk kebenaran dan kepentingan rakyat," tegasnya.

Sementara itu, program ini bertujuan memberi pendedahan kepada 33 pemimpin muda wanita berumur antara 18 hingga 25 tahun tentang fungsi serta perjalanan Parlimen Malaysia, di samping memperkukuh kefahaman mengenai peranan Ahli Parlimen dalam proses pengubalan dasar dan undang-undang negara, dengan objektif untuk meningkatkan penglibatan golongan wanita sebagai Ahli Parlimen pada masa hadapan.

Program berkenaan yang dianjurkan oleh TAMAT (MYCOLD) dengan kerjasama ICOLD berlangsung dari 5 hingga 7 November 2025.


LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Warden asrama didakwa cabul pelajar

🕒 07 November 2025, 1:17pm



Tertuduh didakwa di Mahkamah Sesyen di Seremban hari ini atas tiga pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap pelajar berusia 13 tahun. – Foto NSTP

Oleh: Ahmad Hasbi

SEREMBAN: Seorang guru sekolah di Batu Kikir, Jempol, didakwa di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tiga pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang pelajar berusia 13 tahun, pada 2024.

Tertuduh, Nazrulhisham Mahmud, 46, yang juga warden asrama sekolah berkenaan bagaimanapun mengaku tidak bersalah, di hadapan Hakim Datin Surita Budin selepas kertas pertuduhan dibacakan.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh telah melakukan amang seksual fizikal terhadap pelajar berkenaan di bilik rehat warden di sekolah itu pada 18 Mei dan 12 Jun tahun lalu, selain di bilik sukan ragbi berlaku pada 25 Mei tahun lalu.

Justeru tertuduh didakwa melakukan dua kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 14 (a) dan satu kesalahan di bawah Seksyen 14 (d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan dibaca bersama Seksyen 16 akta sama.

Mahkamah menetapkan jaminan sebanyak RM10,000 bagi setiap pertuduhan dengan syarat perlu melapor diri di balai polis berdekatan, tidak mengganggu saksi dan menyerahkan pasport.

Sebutan semula bagi serahan dokumen dan laporan perubatan ditetapkan pada 16 Disember depan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Penoreh getah dituduh cabul anak saudara

Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my



PENOREH getah dituduh cabul anak saudara bulan lalu. FOTO Alias Abd Rani

Muar: Penoreh getah yang pernah dituduh berkaitan kes seksual di Melaka, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan amang seksual fizikal terhadap anak saudara lelaki ketika menyambut perayaan, bulan lalu.

Tertuduh berusia 32 tahun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan sebaik pertuduhan dikemukakan oleh jurubahasa di hadapan Hakim Mohd Khairi Haron.

Mengikut pertuduhan, tertuduh yang mempunyai hubungan amanah sebagai bapa saudara didakwa melakukan perbuatan itu terhadap mangsa berusia 17 tahun di ruang tamu, sebuah rumah di Paloh, Kluang, pada jam 3.30 pagi, 26 Oktober lalu.

Pertuduhan itu dikemukakan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017 dan dibaca bersama Seksyen 16 akta sama.

Berdasarkan laporan dibuat, tertuduh bersama ahli keluarga ke rumah terbabit untuk menyambut Deepavali dengan mereka tidur di ruang tamu beramai-ramai.

Ketika semua ahli keluarga membabitkan 16 orang termasuk mangsa sedang nyenyak tidur di ruang tamu, tertuduh mengambil kesempatan melakukan perbuatan keji terhadapnya.

Mangsa menyedari kejadian itu kemudiannya menepis tangan tertuduh sebelum menceritakan kepada ahli keluarganya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nur Ameerah Allaudeen manakala tertuduh diwakili peguam R K Bala.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM15,000 dengan dua penjamin serta memerintahkannya melapor diri di balai polis berhampiran setiap awal bulan dan tidak boleh mengganggu saksi pendakwaan termasuk mangsa sehingga kes selesai.

Kes disebut semula pada 7 Januari depan untuk serahan dokumen.